

04/02/1998

Kenaikan kos ukur dianggap membebankan

Mohamed Salleh

SAYA merujuk kepada akhbar ini Edisi Timur, Jumaat, 5 Disember 1997 bertajuk 'Pemilik tanah kecewa kos ukur meningkat'. Ini adalah satu perkara yang tidak boleh dipandang ringan kerana banyak pihak ditemui rata-rata menyuara pendapat masing-masing kenaikan kos ukur yang baru ini tidak berpatutan.

Sebagai pemaju kecil-kecilan yang ada hubung kait dengan pemilik tanah, saya dapati kebanyakan mereka adalah golongan yang berpendapatan rendah dan mempunyai tanah persendirian antara satu hingga tiga ekar sahaja.

Melalui pecah bahagian, pecah sempadan dan tukar syarat, kebanyakan kes ini hanya untuk dipindah milik kepada anak buah dan pewaris mereka sendiri. Adakala untuk membuat pinjaman perumahan dan memajukannya.

Kenaikan kos ukur kepada 85 peratus yang berkuatkuasa serta-merta iaitu pada 1 Mei 1997, amat dirasai dan membebankan rakyat golongan berpendapatan rendah terutama berikutan kegawatan ekonomi dan penurunan nilai ringgit yang dialami negara sekarang ini.

Jika kos bagi dua lot perumahan mengikut kadar lama hanya RM1,500, sekarang naik kepada RM3,000 termasuk asas ukur RM1,000, pelan hitungan RM350 dan ditambah dengan data berdigit 20 peratus yang dikira sebagai tidak munasabah. Ini membuat rakyat daripada golongan berpendapatan rendah kecewa dan berputus asa untuk memajukan tanah mereka. Mereka yang untung ialah golongan profesional seperti juru ukur berlesen.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad kerap menasihatkan kementerian dan swasta mengurangkan bayaran dan diskaun perkhidmatan menolong dan meringankan beban rakyat.